

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN FPX dan JomPAY Aplikasi CIMB OCTO**

Tempoh Kempen

1. “**Kempen Pengaktifan FPX dan JomPAY CIMB OCTO**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **17^{hb} Mei 2024** pada **jam 00:01 (GMT+8)** dan tamat pada **31^{hb} Julai 2024** pada **jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Tempoh Kempen dibahagikan lagi kepada tiga (3) Kitaran Kempen (“**Kitaran Kempen**”) seperti di bawah:

Kitaran Kempen	Tempoh Transaksi
Kitaran Kempen 1	17 ^{hb} Mei 2024 – 31 ^{hb} Mei 2024
Kitaran Kempen 2	1 ^{hb} Jun 2024 – 30 ^{hb} Jun 2024
Kitaran Kempen 3	1 ^{hb} Julai 2024 – 31 ^{hb} Julai 2024

3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dan/atau Kitaran Kempen (*mengikut mana yang berkenaan*).

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB aktif baharu dan sedia ada akan layak menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu CIMB tetapi BELUM melakukan sebarang transaksi *JomPAY* atau *FPX* melalui Aplikasi *CIMB OCTO* di antara 1^{hb} Januari 2024 – 16^{hb} Mei 2024.
5. Kategori orang/entiti yang berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Kakitangan CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang (seperti yang dinyatakan di **Klausula 17** hingga **19** di bawah) untuk Kempen; dan/atau
 - b. Pelanggan perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/komersial dan korporat seperti mana yang mungkin ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan keuntungan, pertubuhan, dan perkongsian profesional; dan/atau
 - c. Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulung, atau sebaliknya mempunyai prosiding perundangan dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - d. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak jatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

7. Hadiah berikut akan disediakan kepada Pemenang Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen: -

Kategori Hadiah	Penerangan Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	iPhone 15 Pro	3 pemenang
Hadiah Ke-2	Hadiah Tunai RM1,000	15 pemenang
Hadiah Ganjaran Bonus	Pulangan Tunai RM10	2,500 pemenang

Hadiah Utama, Hadiah Ke-2 dan Hadiah Ganjaran Bonus hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Hadiah**” dan hendaklah dipenuhi oleh CIMB mengikut cara yang dinyatakan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

8. Setiap Peserta Layak berlayak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama atau satu (1) Hadiah Ke-2 **dan** satu (1) Hadiah Ganjaran Bonus sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

9. **Jadual 1: Mekanik Kempen & Kriteria Penyertaan**

Untuk berpeluang memenangi Hadiah yang dirujuk dalam **Klausa 7** di atas, Peserta Layak boleh memperoleh penyertaan ("**Penyertaan**") dengan memenuhi kriteria penyertaan berikut semasa Tempoh Kempen: -

Transaksi Layak	Kriteria Penyertaan	Penyertaan yang diperolehi
FPX	Lakukan satu (1) Transaksi Layak <i>FPX</i> melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> pada Hari Biasa.	1 Penyertaan diperolehi
	Lakukan satu (1) Transaksi Layak <i>FPX</i> melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> pada Hari Angka Kembar.	2 Penyertaan diperolehi
JomPAY	Lakukan satu (1) Transaksi Layak <i>JomPAY</i> melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> pada Hari Biasa.	2 Penyertaan diperolehi
	Lakukan satu (1) Transaksi Layak <i>JomPAY</i> melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> pada Hari Gaji.	4 Penyertaan diperolehi
	Simpan satu pengebil <i>JomPAY</i> baharu dengan ciri ' <i>Save as Favourite</i> ' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> .	4 Penyertaan diperolehi
	Tetapkan transaksi berjadual bagi Transaksi Layak <i>JomPAY</i> dengan ciri ' <i>Schedule Transaction</i> ' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> .	4 Penyertaan diperolehi

10. Untuk tujuan Kempen ini: -

a. "**Transaksi Layak**" hendaklah bermaksud: -

Transaksi Layak	Penerangan
<i>JomPAY</i>	Suatu pembayaran yang berjaya bagi sebarang bil atau invois pengebil <i>JomPAY</i> melalui fungsi ' <i>JomPAY</i> ' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> sahaja
<i>FPX</i>	Suatu pembayaran yang berjaya kepada mana-mana peniaga <i>FPX</i> dengan Kelulusan <i>SecureTAC</i> yang telah dihantar melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> sahaja

- b. "**Hari Angka Kembar**" hendaklah bermaksud 6^{hb} Jun 2024 dan 7^{hb} Julai 2024;
- c. "**Hari Gaji**" hendaklah bermaksud hari ke-25 dan ke-26 bagi setiap Bulan Kempen (iaitu, 25^{hb} dan 26^{hb} Mei 2024, 25^{hb} dan 26^{hb} Jun 2024, 25^{hb} dan 26^{hb} Julai 2024); dan
- d. "**Hari Biasa**" hendaklah bermaksud semua hari lain tidak termasuk Hari Angka Kembar dan Hari Gaji.

- 11. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan melalui Aplikasi *CIMB OCTO* sahaja menggunakan dana daripada mana-mana akaun simpanan/-i CIMB atau akaun semasa/-i CIMB Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB ("**Akaun Penyertaan**").
- 12. Peserta Layak mesti memastikan bahawa mereka telah membolehkan-dayakan Kelulusan *SecureTAC* pada Aplikasi *CIMB OCTO* untuk meluluskan Transaksi Layak.

13. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi yang dilakukan dengan Kelulusan *SecureTAC* melalui Aplikasi *CIMB Clicks* tidak akan layak sebagai suatu Transaksi Layak bagi tujuan Kempen ini.
14. Contoh senario bagi tujuan ilustrasi:

No.	Senario	Penyertaan layak
i)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada 20^{hb} Jun 2024 Kelulusan <i>SecureTAC</i> telah dihantar dan diluluskan melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>. 	Satu (1) penyertaan diperolehi kerana transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada Hari Biasa.
ii)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada 20^{hb} Jun 2024 Kelulusan <i>SecureTAC</i> telah dihantar dan diluluskan melalui Aplikasi <i>CIMB Clicks</i> 	Tiada penyertaan diperolehi kerana Kelulusan <i>SecureTAC</i> tidak dilakukan melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>
iii)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada 6^{hb} Jun 2024 Kelulusan <i>SecureTAC FPX</i> telah dihantar kepada dan diluluskan melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> 	Dua (2) penyertaan diperolehi kerana transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada Hari Angka Kembar
iv)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>JomPAY</i> telah dilakukan pada 25^{hb} Jun 2024 melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Tetapkan Transaksi Layak <i>JomPAY</i> sebagai transaksi berjadual menggunakan ciri '<i>Schedule Transaction</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> 	Jumlah sebanyak lapan (8) penyertaan diperolehi <ul style="list-style-type: none"> Empat (4) penyertaan diperolehi bagi transaksi <i>JomPAY</i> yang dilakukan pada Hari Gaji Empat (4) penyertaan diperolehi bagi Transaksi Layak <i>JomPay</i> yang dijadualkan dengan menggunakan ciri '<i>Schedule Transaction</i>' pada Aplikasi <i>CIMB Octo</i>
v)	<ul style="list-style-type: none"> Simpan satu pengebil <i>JomPAY</i> baharu menggunakan ciri '<i>Save as Favourite</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Satu (1) transaksi <i>JomPAY</i> telah dilakukan pada 25^{hb} Jun 2024 melalui Aplikasi <i>CIMB Clicks</i> 	Jumlah sebanyak empat (4) penyertaan diperolehi <ul style="list-style-type: none"> Empat (4) penyertaan diperolehi bagi pengebil <i>JomPAY</i> baharu yang disimpan menggunakan ciri '<i>Save as Favourite</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Tiada penyertaan diperolehi kerana transaksi <i>JomPAY</i> tidak dilakukan melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>
vi)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada 6^{hb} Jun 2024, dengan kelulusan <i>SecureTAC FPX</i> yang telah dihantar kepada dan diluluskan melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Simpan satu pengebil <i>JomPAY</i> baharu menggunakan ciri '<i>Save as Favourite</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Tetapkan Transaksi Layak <i>JomPAY</i> sebagai transaksi berjadual menggunakan ciri '<i>Schedule Transaction</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> 	Jumlah sebanyak sepuluh (10) penyertaan diperolehi <ul style="list-style-type: none"> Dua (2) penyertaan diperolehi kerana transaksi <i>FPX</i> telah dilakukan pada Hari Angka Kembar Empat (4) penyertaan diperolehi bagi pengebil <i>JomPAY</i> baharu yang disimpan menggunakan ciri '<i>Save as Favourite</i>' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>

		<ul style="list-style-type: none"> Empat (4) penyertaan diperolehi bagi Transaksi Layak <i>JomPAY</i> yang dijadualkan menggunakan ciri 'Schedule Transaction' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>
vii)	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) transaksi <i>JomPAY</i> telah dilakukan pada 25^{hb} Jun 2024 melalui Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Simpan satu pengebil <i>JOMPAY</i> baharu menggunakan ciri 'Save as Favourite' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Tetapkan Transaksi Layak <i>JomPAY</i> sebagai transaksi berjadual menggunakan ciri 'Schedule Transaction' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> 	<p>Jumlah sebanyak dua belas (12) penyertaan diperolehi</p> <ul style="list-style-type: none"> Empat (4) penyertaan diperolehi kerana transaksi <i>JomPAY</i> telah dilakukan pada Hari Gaji Empat (4) penyertaan diperolehi bagi pengebil <i>JomPAY</i> baharu yang disimpan menggunakan ciri 'Save as Favourite' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i> Empat (4) penyertaan diperolehi bagi Transaksi Layak <i>JomPAY</i> yang dijadualkan menggunakan ciri 'Schedule Transaction' pada Aplikasi <i>CIMB OCTO</i>

15. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
16. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang:

17. **Hadiah Utama & Hadiah Ke-2:**

- a) Untuk bertanding memenangi Hadiah Utama dan Hadiah Ke-2, Peserta Layak mestilah melakukan salah satu jenis transaksi dengan bilangan minimum Transaksi Layak berikut:-

Jenis Transaksi	Bilangan Minimum Transaksi Layak
<i>JomPAY</i>	1 Transaksi Layak bagi setiap Kitaran Kempen
<i>FPX</i>	2 Transaksi Layak bagi setiap Kitaran Kempen

- b) Pada penamatan Tempoh Kempen, tertakluk sentiasa kepada **Klausula 17(a)** di atas, tiga (3) Peserta Layak pertama yang memperolehi jumlah Penyertaan tertinggi sepanjang Tempoh Kempen mengikut **Klausula 9 dan 17** di atas akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**").
- c) Lima belas (15) Peserta Layak seterusnya yang telah memperolehi jumlah Penyertaan tertinggi sepanjang Tempoh Kempen mengikut **Klausula 9 dan 17** di atas akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Ke-2 ("**Pemenang Hadiah Ke-2**").

18. **Hadiah Ganjaran Bonus:**

- a) Peserta Layak yang melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Layak semasa Tempoh Kempen berpeluang untuk memenangi Hadiah Ganjaran Bonus seperti yang berikut: -

Jenis Transaksi	Tarikh	Bilangan pemenang
JomPAY	Setiap 25 ^{hb} dan 26 ^{hb} sebulan <ul style="list-style-type: none"> • Mei – 25^{hb} dan 26^{hb} Mei 2024 • Jun – 25^{hb} dan 26^{hb} Jun 2024 • Julai – 25^{hb} dan 26^{hb} Julai 2024 	500 Peserta Layak pertama yang melakukan suatu Transaksi Layak semasa Hari Gaji bagi setiap Kitaran Kempen akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Bonus (" Pemenang Hadiah Ganjaran Bonus ").
FPX	Hari Angka Kembar <ul style="list-style-type: none"> • Jun – 6^{hb} Jun 2024 • Julai – 7^{hb} Julai 2024 	500 Peserta Layak pertama yang melakukan Transaksi Layak semasa Hari Angka Kembar bagi setiap Kitaran Kempen akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Bonus (" Pemenang Hadiah Ganjaran Bonus ").

19. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah sekiranya hadiah tidak dituntut atau jika terdapat bilangan Pemenang terpilih yang tidak mencukupi selepas penamatan Tempoh Kempen.

Pemenuhan

20. Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Ke-2 dan Hadiah Ganjaran Bonus hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**".
21. Walau apa pun yang terkandung di sini yang bertentangan, CIMB akan menerbitkan nama Pemenang dan nombor Kad Pengenalan mereka (4 angka terakhir) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web *CIMB Clicks* di www.cimbclicks.com.my.
22. Dalam sepuluh (10) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen (*atau tempoh lain seperti yang dimaklumkan oleh CIMB*), Pemenang akan menerima satu pemberitahuan melalui laman web *CIMB Clicks* di www.cimbclicks.com.my dan/atau e-mel dan/atau SMS dan/atau Pemberitahuan Semerta dan/atau sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya untuk memaklumkan kemenangan mereka, Hadiah yang dimenangi, dan sebarang arahan penebusan jika berkenaan.
23. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi yang ditanggung hendaklah ditanggung oleh Pemenang (termasuk sebarang caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang di luar Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab atas perkara yang sama.
24. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor telefon mudah alih mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir akibat daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB adalah bukan semasa atau dikemas kini.
25. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Hadiah Ganjaran Bonus dan Hadiah Ke-2 akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen.
26. Pemenang mesti mempunyai Akaun Penyertaan sah dan aktif di Malaysia pada titik pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan yang telah dibatalkan/digantung/disekat atas apa-apa sebab sekalipun pada titik pemenuhan akan dianggap sebagai "*tidak aktif*" untuk tujuan Kempen ini, jika tidak Hadiah yang diberikan kepada Pemenang tersebut akan dilucut hak. Sekiranya berlaku pelucut hak, tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan Kempen ini.
27. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTILAH tidak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTILAH tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk

kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Hadiah yang beliau layak kepada akan dilucuthakkan.

28. Hadiah tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) yang lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah lain yang setara nilai atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan sah Peserta Layak dan pengkreditan Hadiah akan dicerminkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah kepada mana-mana akaun CIMB beliau yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
29. Hadiah Utama akan dihantar ke alamat surat-menyurat Malaysia Pemenang Hadiah Utama yang kini dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen oleh pengedar/ejen pihak ketiga lantikan CIMB.
30. Pemenang Hadiah Utama dengan ini secara nyata bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan butiran Pemenang Hadiah Utama (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat surat-menyurat mereka) kepada pengedar/ejen yang mungkin kemudiannya menghubungi Pemenang Hadiah Utama mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah Utama.
31. Imej Hadiah Utama yang ditunjukkan dan dipaparkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau pengiklanan untuk Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Warna/reka bentuk sebenar Hadiah Utama boleh berbeza dengan mereka yang ditunjukkan dan dipaparkan dalam bahan pemasaran dan/atau pengiklanan. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar warna, kapasiti penyimpanan, ketersambungan atau model Hadiah Utama.
32. Apple Inc. bukan peserta dalam atau penaja Kempen ini. Tiada apa-apa dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dianggap sebagai representasi bahawa mereka telah mengendors Terma dan Syarat ini atau mana-mana produk CIMB.
33. Setakat secara penuh yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, bagi Hadiah.
34. CIMB tidak akan melayan sebarang aduan dalam apa jua pun berkaitan dengan Hadiah. Kemasukan Hadiah dalam Kempen ini tidak akan ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Hadiah adalah hanya untuk membayar harga yang sama kepada pembekal yang berkaitan.
35. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah sekiranya berlaku pembalikan pembayaran bagi Transaksi Layak.
36. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau penebusan Hadiah, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang.
37. Melalui penerimaan Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk memastikan CIMB dan ahli gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing mereka ditanggung rugi daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkaitan dengan Peserta Layak sedemikian:-
 - (i) penyertaan dalam Kempen; atau
 - (ii) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah.Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
38. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi berpotensi yang mungkin ada pada situasi kewangan beliau sendiri.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

39. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka: -
 - a. dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;

- c. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d. bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - iv. apa-apa bencana alam ("*Act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - v. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
40. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah: -
- a. Peserta Layak telah memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan Peserta Layak;
 - b. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c. Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
41. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- a. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b. bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
42. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- a. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - d. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB..
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
43. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau eDM oleh Peserta Layak,
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
44. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau

- iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - v. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
 - c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
 - d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikut sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
45. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
46. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -
- a. penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
 - c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, oleh Peserta Layak.
47. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini: -
- a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b. dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
48. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.
49. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.
50. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.
51. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.
52. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:
- Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
 No. Telefon: +603 6204 7788
 No. Faksimile: +603 2691 3248
 E-mel: CRU@cimb.com
53. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada cru@cimb.com.
54. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

[TAMAT]